

UNIT 14: Sayangi Malaysia

• Tema 5: Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

DSKP TATABAHASA

Buku Teks: m.s. 107 – 108

Isi tempat kosong dengan kata ganda yang sesuai. DSKP: SP5.2.3(i, ii)

KBAT Mengapikasi



Kata Ganda Penuh dan Kata Ganda Separa



onde-onde
Sesekali
Harimau-harimau
buah-buahan
kehitam-hitaman
rakan-rakan
berhati-hati
tertanya-tanya
berjalan-jalan
oleh-oleh
jejantas
Kandang-kandang

Pada cuti sekolah yang lalu, Hakim dan keluarganya

(1) _____ di Pahang. Hakim (2) _____ tempat menarik yang ada di Pahang. Namun begitu, dia tidak mahu mengganggu tumpuan ayahnya, Encik Fatahul, yang sedang memandu.

Semasa dalam perjalanan, mereka berhenti sebentar di Hentian Rehat dan Rawat Sungai Buloh. Hentian ini terkenal kerana terletak di atas sebuah (3) _____.

Mereka bersarapan di situ. Hakim hanya makan kuih (4) _____ untuk mengalas perut.

Sepanjang perjalanan dari Genting Sempah, Encik Fatahul memandu kereta dengan (5) _____. Jalan raya di situ agak berbahaya kerana bentuk muka buminya yang berbukit bukau. (6) _____, matanya memandang penjual (7) _____ tempatan yang menjaja di tepi jalan. Buah yang dijual antaranya termasuklah durian, manggis, dan rambutan.

Selepas tiga jam perjalanan, mereka sampai di Pusat Pemuliharaan Harimau Kebangsaan di Lanchang. Pusat pemuliharaan itu mempunyai 32 buah kandang. Setiap kandang menempatkan harimau mengikut umur harimau yang berbeza. (8) _____ ini dilengkapi pagar setinggi enam meter bagi tujuan keselamatan.

(9) _____ itu akan dibiakkan sebelum dilepaskan ke habitat asal mereka.

Spesies yang menjadi tumpuan ialah Harimau Malaya. Harimau ini menjadi simbol negara dan dilukis pada Jata Negara. Harimau yang diancam kepupusan ini hanya terdapat di Semenanjung Malaysia. Corak

(10) _____ belangnya tidak sama antara setiap harimau.

Sebelum beredar, Hakim membeli beberapa utas rantai kunci sebagai (11) _____ untuk (12) _____ sekelasnya. Baginya, kesedaran untuk memelihara hidupan liar ini terletak pada bahu masyarakat.